



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 29
No. 11

23hb Mei 1985

TAMBAHAN No. 30
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 216.

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

PERINTAH PINJAMAN LUAR NEGERI (PENGECUALIAN BAYARAN-BAYARAN HUTANG BERHUBUNG DENGAN BON-BON YEN JEPUN MALAYSIA 1985—SIRI KETUJUH DARI CUKAI DAN KAWALAN PERTUKARAN WANG) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (4) seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, Menteri membuat perintah yang berikut: *Akta 22/63.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pinjaman Luar Negeri (Pengecualian Bayaran-bayaran Hutang Berhubung Dengan Bon-bon Yen Jepun Malaysia 1985—Siri Ketujuh dari Cukai dan Kawalan Pertukaran Wang) 1985.** Nama.

2. Bayaran-bayaran hutang berhubung dengan Bon-bon Yen Jepun Malaysia 1985—Siri Ketujuh yang dikeluarkan di bawah Akta itu hendaklah dikecualikan dari cukai dengan syarat bahawa penerima bayaran-bayaran hutang tersebut tidak bermastautin di Malaysia atau mempunyai pejabat tetap di Malaysia di mana pembayaran bayaran-bayaran hutang tersebut boleh dibuat bagi maksud Akta Cukai Pendapatan 1967. *Pengecualian daripada cukai. Akta 53/67.*

3. Bayaran-bayaran hutang berhubung dengan Bon-bon Yen Jepun Malaysia 1985—Siri Ketujuh yang dikeluarkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 hendaklah dikecualikan dari kawalan pertukaran wang di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. *Pengecualian daripada kawalan pertukaran wang. Akta 17/53.*

Diperbuat pada 12hb Februari 1985.
[S. (50.37) 248/19-1 (SJ. 34); PN. (PU²) 244/II.]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

DATO' SABBARUDDIN CHIK,
Timbalan Menteri Kewangan

EXTERNAL LOANS ACT 1963

EXTERNAL LOANS (EXEMPTION OF DEBT CHARGES IN RESPECT OF MALAYSIA JAPANESE YEN BONDS OF 1985—SEVENTH SERIES FROM TAX AND EXCHANGE CONTROL) ORDER 1985

Act 22/63. IN exercise of the powers conferred by subsection (4) of section 4 of the External Loans Act 1963, the Minister makes the following order:

Citation. 1. This Order may be cited as the **External Loans (Exemption of Debt Charges in Respect of Malaysia Japanese Yen Bonds of 1985—Seventh Series from Tax and Exchange Control) Order 1985.**

Exemption from tax. 2. The debt charges in respect of the Malaysia Japanese Yen Bonds of 1985—Seventh Series issued under the Act shall be exempted from tax provided that the recipient of such debt charges does not have his residence in Malaysia or maintain in Malaysia a permanent establishment to which payment of such debt charges is attributable for the purpose of the Income Tax Act 1967.

Act 53/67. 3. The debt charges in respect of the Malaysia Japanese Yen Bonds of 1985—Seventh Series issued under the External Loans Act 1963 shall be exempted from exchange control under the Exchange Control Act 1953.

Exemption from exchange control. 3. The debt charges in respect of the Malaysia Japanese Yen Bonds of 1985—Seventh Series issued under the External Loans Act 1963 shall be exempted from exchange control under the Exchange Control Act 1953.

Act 17/53. Dated the 12th February 1985.
[S. (50.37) 248/19-1 (SJ. 34); PN. (PU²) 244/II.]

On behalf and in the name of the Minister of Finance,

DATO' SABBARUDDIN CHIK,
Deputy Minister of Finance

✓ P.U. (A) 217.

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN [PENGUBAHSUAIAN AKTA HIDROGEN SIANID (PEWASAPAN)] 1985

Akta A585. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 6 (3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan [Pengubahsuaian Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan)] 1985** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 16hb April 1984.

2. (1) Ubahsuaian yang dinyatakan dalam Jadual, iaitu ubahsuaian yang didapati perlu atau bermanfaat oleh Yang di-Pertuan Agong bagi menghapuskan kesulitan-kesulitan atau oleh sebab lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, hendaklah dibuat dalam peruntukan-peruntukan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953.

Pengubahsuaian Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya. Akta A585. Akta 260.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953 hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan-perubahan yang bersamaan tentang nama-nama atau titel-titel sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953 sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah ini.

JADUAL

(1)	(2)
Peruntukan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953	Ubahsuaian
Seksyen 2	... Gantikan perkataan "Territory" dalam takrif perkataan-perkataan "West Malaysia" dengan perkataan-perkataan "Territories of Kuala Lumpur and Labuan".

Diperbuat pada 26hb Mac 1985.

[KK. (R)-619 (200) (1) A; PN. (PU²) 415/IV.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,
Setiausaha Jumaah Menteri

CONSTITUTION (AMENDMENT) (No. 2) ACT 1984

FEDERAL TERRITORY OF LABUAN [MODIFICATION OF HYDROGEN CYANIDE (FUMIGATION) ACT] ORDER 1985

In exercise of the powers conferred by section 6 (3) of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order: *Act A585.*

1. This Order may be cited as the **Federal Territory of Labuan [Modification of Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act] Order 1985** and shall be deemed to have come into force on the 16th April 1984. *Citation and commencement.*

2. (1) The modification specified in the Schedule, being a modification which appears to the Yang di-Pertuan Agong to be necessary or expedient for the purpose of removing difficulties or in consequence of the passing of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984, shall be made in the provisions of the Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act 1953. *Modification of the Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act 1953 and subsidiary legislation made thereunder. Act A585. Act 260.*



(2) Subsidiary legislation made under the Hydorgen Cyanide (Fumigation) Act 1953 shall be read with such corresponding alterations as to names or titles as may be necessary to bring the subsidiary legislation into accord with the Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act 1953 as modified by this Order.

SCHEDULE

(1) Provision of the Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act 1953	(2) Modification
Section 2	... Substitute for the word "Territory" in the definition of the words "West Malaysia" the words "Territories of Kuala Lumpur and Labuan".

Made the 26th March 1985.

[KK. (R)-619 (200) (1) A; PN. (PU²) 415/IV.]

By Command,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,
Secretary to the Cabinet

✓ P.U. (A) 218.

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PENGUBAHSUAIAN
AKTA JURURAWAT) 1985

Akta A585.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 6 (3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

*Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Akta Jururawat) 1985** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 16hb April 1984.

*Pengubah-
suaian Akta
Jururawat
1950 dan
perundangan
subsidiari
yang dibuat
di bawahnya.
Akta A585.
Akta 14.*

2. (1) Ubahsuaian-ubahsuaian yang dinyatakan dalam Jadual, iaitu ubahsuaian-ubahsuaian yang didapati perlu atau bermanfaat oleh Yang di-Pertuan Agong bagi menghapuskan kesulitan-kesulitan atau oleh sebab lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, hendaklah dibuat dalam peruntukan-peruntukan Akta Jururawat 1950.